

PIWN perkasa wakaf, bantu ekonomi negara

Pelan Induk Wakaf Nasional pastikan pengurusan lebih cekap beri manfaat kepada masyarakat

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) akan diwujudkan bagi memastikan pengurusan wakaf yang lebih cekap serta bagi membolehkan instrumen itu diperkasakan dan seterusnya memainkan peranan penting dalam membantu ekonomi negara, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, pengurusan wakaf yang cekap sekali gus dapat memaksimumkan mobilisasi aset wakaf pada masa hadapan dan boleh memberi banyak manfaat kepada masyarakat

tanpa mengira agama, kaum atau keturunan.

Beliau menegaskan, sokongan dan pembabitan semua anggota masyarakat, sama ada secara individu atau organisasi, amat diharapkan dalam memastikan wakaf berperanan sebagai satu daripada elemen penting membantu pembangunan ekonomi negara.

"Justeru, saya berharap pembabitan semua pihak, sama ada masyarakat, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dapat dioptimumkan demi memperkasakan peranan wakaf dalam usaha membangunkan ekonomi negara," katanya ketika melancarkan Bulan Wakaf Kebangsaan Tahun 2021, yang disiarkan secara maya, semalam.

Tanpa menidakkan kedudukan Majlis Agama Islam negeri sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di negeri, Muhyiddin menggariskan empat perkara utama untuk diberi perhatian dengan yang pertama ialah meningkatkan tabung dana wakaf bagi membolehkan banyak lagi aset



Muhyiddin menyampaikan ucapan ketika melancarkan Bulan Wakaf Kebangsaan yang disiarkan secara maya, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Pengurusan wakaf yang cekap sekali gus dapat memaksimumkan mobilisasi aset wakaf pada masa hadapan dan boleh memberi banyak manfaat kepada masyarakat tanpa mengira agama, kaum atau keturunan

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

wakaf diwujudkan.

Perdana Menteri berkata, ketua setiausaha kementerian, ketua jabatan serta agensi di peringkat Persekutuan perlu merangka inisiatif bagi menggalakkan pegawai dan kakitangannya berwakaf, khususnya secara berkala melalui potongan gaji.

"Bagi tujuan ini, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali sudah meluluskan Pekeliling Am Bil 1 Tahun 2020 Tatacara Pelaksanaan Sumbangan Wakaf Tunai Melalui Potongan Gaji Secara Sukarela Bagi Pegawai Awam yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan dan negeri.

"Begitu juga dengan institusi perbankan dan kewangan dalam membantu mempelbagaikan lagi platform berwakaf. Institusi kewangan Islam seharusnya menjadikan wakaf sebagai elemen nilai tambah kepada produk dan perkhidmatan kewangan mereka," katanya.

Perkara kedua, kata Perdana Menteri, ialah menjadikan pembangunan hartanah wakaf sebagai antara elemen penting dalam penyediaan pelan pembangunan lima tahun negara melalui Rancangan Malaysia.

Katanya, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC); badan korporat; Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR); Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan Majlis Agama Islam negeri perlu mengenali ruang dan peluang kerjasama yang boleh dijalin bagi mengoptimumkan penggunaan dan pembangunan aset wakaf.

"Ketiga, memperhebatkan lagi aktiviti pembudayaan dan sosialisasi wakaf ke arah mewujudkan masyarakat celik wakaf. JAWHAR dan YWM perlu bersama-sama merangka pelan pembudayaan yang holistik dan komprehensif di peringkat nasional dan negeri dengan kerjasama Majlis Agama Islam negeri.

"Kita harap JAWHAR, selaku jabatan di peringkat Persekutuan yang diiktiraf penubuhannya sejak 2004, akan terus meningkatkan hubungan baik dengan Majlis Agama Islam negeri bagi memastikan pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji umat Islam menjadi lebih sistematik, cekap dan berkesan," katanya lagi.

Muhyiddin berkata, perkara empat adalah YWM khususnya perlu diperkasakan, sama ada dalam bentuk suntikan dana atau pertambahan bakat supaya dapat benar-benar menjadi contoh teladan pentadbiran wakaf yang terkehadapan di peringkat antara-bangsa.

Perdana Menteri juga berharap, melalui peranan institusi berkaitan wakaf di Malaysia, negara boleh menawarkan kepakaran serta model amalan terbaik kepada negara Islam lain dalam usaha mengembalikan kegemilangan wakaf.